

# **LYNAS: SATU KAJIAN KES PERSEPSI AUDIENS TERHADAP PELAPORAN BERITA DALAM MEDIA CETAK DI MALAYSIA**

Eng May Chuen<sup>1</sup>, Edwin Michael<sup>2</sup>,

<sup>1</sup>Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Tunku Abdul Rahman, Perak, Malaysia  
[engmc@utar.edu.my](mailto:engmc@utar.edu.my)

<sup>2</sup>Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Tunku Abdul Rahman, Perak, Malaysia  
[edwinm@utar.edu.my](mailto:edwinm@utar.edu.my)

## **ABSTRAK**

Kajian ini berdasarkan isu peminan kilang pemprosesan nadir bumi (tanah jarang) serta isu pembuangan sisa radioaktif di Gebeng, Kuantan Pahang yang menyaksikan bantahan rakyat Malaysia khususnya masyarakat di negeri Pahang dan aktivis-aktivis alam sekitar. Isu Lynas dalam konteks kajian ini dilihat dari dua konsep yang penting iaitu persepsi audiens yang terdiri daripada pihak Lynas Corporation Limited itu sendiri serta kumpulan aktivis alam sekitar dikenali sebagai 'Save Malaysia, Stop Lynas!' yang mewakili majoriti penduduk Gebeng dan rakyat Malaysia amnya serta peranan media cetak khususnya akhbar tempatan dalam melaporkan isu kontroversi ini. Kajian ini amat penting dalam menunjukkan betapa penilaian dan persepsi audiens berhubung kait dengan tanggungjawab akhbar tempatan dalam melaporkan isu Lynas kepada audiens. Kajian ini juga memperlihatkan betapa akhbar tempatan gagal berfungsi dalam situasi-situasi tertentu seperti ketidakcukupan maklumat dari perspektif ekonomi dan sosial. Akhbar tempatan dikatakan terlalu mensensasikan sesuatu isu sehinggakan gagal mengekalkan kesanggupan audiens untuk mengetahui laporan isu Lynas yang terkini. Walaupun isu ini hangat diperdebatkan serta dipolitikkan, kajian ini menunjukkan bahawa terdapat perubahan dari segi pandangan dan persepsi audiens terhadap tugas akhbar tempatan yang selama ini hanya menjadikan akhbar cetak sebagai tidak lebih daripada 'panduan' oleh masyarakat. Kewujudan persepsi sedemikian mencetuskan satu pandangan kritis terhadap peranan, tanggungjawab serta etika akhbar tempatan dalam melaporkan kebenaran kepada audiens.

**Kata kunci :** Lynas, nadir bumi, tanah jarang, persepsi audiens, akhbar tempatan

## **PENGENALAN**

Lynas Corporation merupakan satu syarikat yang disenaraikan di ASX, sebuah syarikat penggalian bahan mineral yang mengendalikan tanah jarang secara global. Ibu pejabat Lynas terletak di Mount Weld, Western Australia yang terkenal dalam penggalian tanah jarang di dunia. Selain tapak perlombongan tanah jarang di Mount Weld, syarikat berkenaan telah dan sedang menyempurnakan pendirian kilang pemprosesan tanah jarang yang lebih dikenali sebagai Lynas Advance Material Plant (LAMP) di Kuantan, Pahang. Menurut Lynas Corporation LTD (2012), daerah Gebeng, Kuantan terpilih disebabkan beberapa faktor seperti kemudahan infrastruktur industri dan tapak tanah perindustrian yang tersedia ada. Selain itu, sumber-sumber keperluan asas lain seperti air, gas, tenaga elektrik, pembekal reagen tempatan yang mencukupi turut menjadi faktor-faktor penting dalam hal ini. Kedudukan Gebeng yang strategik dan berdekatan dengan sebuah pelabuhan yang lengkap dan berkemampuan dan dilengkapi dengan perkhidmatan teknikal, kemahiran pengusahaan serta berpengalaman dalam bidang pengendalian industri kimia turut menjadi factor

pendorong utama bagi syarikat ini untuk mendirikan LAMP di Gebeng, Kuantan. Pendek kata, Lynas Corporation akan menjalankan tugas penggalian tanah jarang di Mount Weld, Western Australia. Semua tanah jarang berkeajaan akan dihantar ke Kuantan, Pahang melalui pelabuhan Gebeng dengan menggunakan kemudahan pengangkutan kapal laut bagi menjalankan proses pengestraksi tanah jarang di kilang LAMP.

Buat masa ini negara China merupakan negara pengeluar tanah jarang terbesar di dunia di mana ia merangkumi sebanyak 95 % daripada pasaran dunia dalam bidang ini. Tanah jarang menjadi rebutan hangat sedunia disebabkan kepentingan dan kegunaan meluasnya dalam bidang perindustrian teknologi tenaga baru serta teknologi digital. Secara amnya, terdapat tiga sumbangan utama. Sumbangan terutamanya adalah dalam meningkatkan pengendalian tenaga secara efisien. Hal ini adalah disebabkan keunikan struktur fizikal serta bahan kandungan kimia yang semulajadi yang tersedia dalam tanah jarang. Sumbangan keduanya adalah penggunaan tanah jarang membolehkan manusia melindungi alam sekitar khususnya dalam isu kesan rumah hijau di mana ia dapat mengurangkan penghasilan gas karbon dioksida berlebihan yang akan merosakkan lapisan ozon bumi. Sumbangan ketiganya adalah dalam bidang teknologi digital. Hal ini kerana, bidang ini melibatkan kerja-kerja pengecilan produk misalnya dalam penghasilan televisyen digital, telefon pintar dan sebagainya. Sememangnya, kegunaannya amat ketara di mana ia secara tidak langsung dapat meningkatkan taraf kehidupan manusia di samping dapat menjimatkan kos pengendalian tenaga zaman kini.

Persoalan timbul apabila isu pembuangan sisa-sisa bahan radioaktif yang merupakan hasil sampingan proses pengestraksi tanah jarang. Kerajaan Australia telah menegaskan bahawa system perundangan Australia melarang sebarang aktiviti-aktiviti pengimportan sisa-sisa bahan radioaktif ke negara mereka. Perkara ini menimbulkan kebimbangan aktivis alam sekitar khususnya 'Save Malaysia, Stop Lynas!' serta masyarakat Malaysia secara umumnya.

Kajian ini adalah berlandaskan laporan berita berkenaan isu Lynas di Malaysia oleh akhbar tempatan dan kesan laporan berkenaan terhadap masyarakat Malaysia khususnya di daerah Gebeng, Kuantan dan segala elemen yang menyumbang kepada hubungan antara akhbar tempatan, pihak Lynas Corporation Limited itu sendiri serta peranan media cetak khususnya akhbar tempatan dalam melaporkan isu kontroversi ini. Ketiga-tiga pihak ini mempunyai persepsi audiens yang tersendiri bagi isu yang kami kaji.

Sehubungan itu, persoalan tentang peranan media khususnya akhbar tempatan dalam melaporkan berita Lynas juga penting dalam memberikan gambaran yang jelas sama ada akhbar tempatan membantu dalam meleraikan kontroversi yang wujud di kalangan pihak-pihak berkenaan ataupun sebaliknya ataupun laporan-laporan berkenaan tidak memberikan kesan terhadap pihak-pihak berkenaan. Ini bermakna terdapat dua soalan penyelidikan akan dikaji secara teliti iaitu:

- 1) Apakah persepsi audiens iaitu pihak Lynas Corporation Limited dan penduduk-penduduk Gebeng, Kuantan terhadap laporan-laporan berita isu Lynas oleh akhbar?
- 2) Adakah akhbar tempatan memainkan peranannya sebagai penyebar infomasi serta menjalankan tanggungjawabnya dalam melaporkan isu Lynas kepada pihak Lynas Corporation Limited dan penduduk-penduduk Gebeng, Kuantan?

## KONSEP

### **Persepsi Audiens**

Menurut Davenport, Cronin dan DeFleur (1992), persepsi adalah satu proses yang membayangkan kesedaran dan penafsiran rangsangan terhadap peristiwa-peristiwa yang berlaku disekeliling seseorang individu. Persepsi juga merupakan pemilihan yang aktif iaitu mengambil perhatian, merangka dan menginterpretasikan data tentang orang, kejadian, aktiviti dan situasi (Morreale, Spitzberg dan Barge, 2006). Data merujuk kepada sebarang objek yang mendapat perhatian kita yang kita letakkan untuk membuat makna sendiri. Malah persepsi juga adalah satu proses yang aktif dimana kita menggunakan deria sentuhan, rasa, lihat, mendengar dan bau bersama untuk mengumpulkan data tentang kedua-dua suasana luaran kita serta pengalaman dalaman kita yang kemudiannya memberikan makna tertentu. Pandangan ini turut disokong oleh Roth dan Frisby (1986), bahawa persepsi merujuk kepada berita yang mana informasi diperolehi daripada persekitaran melalui deria organ yang dipindahkan ke dalam pengalaman terhadap objek, kejadian, bunyi, rasa dan lain-lain. Maka dalam kajian ini, persepsi audiens terhadap laporan akhbar tempatan tentang isu Lynas adalah berdasarkan pengalaman audiens itu sendiri yang kemudiannya menterjemahkan pengalaman tersebut mengikut acuan dan makna serta tanggapan audiens itu.

Persepsi adalah objektif kecuali untuk sikap yang relatif yang mana kita membataskan ilusi persepsi (Mcburney dan Collings, 1984). Audiens akan memberi respon kepada dunia sebagai sesuatu yang benar dengan membuat kesimpulan dari maklumat dan mentafsir mesej dan proses menerima dan mentafsir sesuatu mesej yang dirujuk oleh banyak model komunikasi yang dikenali sebagai dekodng. Nehiley (1997) dalam artikelnya *'The Role of The Audience In The Communication Process'* menulis bahawa media meningkatkan impak mesej kepada audiens dan seterusnya menyaksikan audiens memainkan peranan dengan menterjemahkan mesej berkenaan mengikut acuan dan persepsi mereka sendiri.

Persepsi audiens ini penting untuk melihat sama ada laporan akhbar tempatan tentang isu Lynas ini memberikan kesan secara langsung atau tidak langsung terhadap bidang yang diwakili oleh audiens ini. Malah persepsi audiens ini juga penting untuk menilai sama ada laporan akhbar tempatan tentang isu Lynas relevan dari segi laporannya dan juga melihat sama ada akhbar tempatan memberikan liputan yang menyeluruh serta meliputi semua pihak. Walaupun, data-data yang diperolehi itu hanya berdasarkan pengalaman, pandangan serta persepsi audiens itu semata-mata namun persepsi ini masih relevan dalam mengukur keberkesanan laporan akhbar tempatan tentang isu Lynas kepada audiens berkenaan.

### **Peranan Media**

Menurut Davenport et al. (1992), Media massa membentuk sistem sosial yang begitu rapat diintegarsikan dengan keperluan institusi ekonomi dan lain-lain sistem politik yng berkaitan. Ini sebab utama mengapa media massa dapat mewujudkan kestabilannya dan tidak terjejas apabila kredibilitinya dipersoalkan secara langsung. Schramm dan Roberts (1992) menulis bahawa media massa berfungsi sebagai penganugerahan status dan berpendapat bahawa hanya dengan pengenalan oleh media sahaja sesetengah atau sekumpulan orang akan dinaikkan daripada 'massa yang besar dan tanpa nama' kepada pengurnian prestij dan kuasa ke atas diri mereka. Malah menurutnya, komunikasi massa mempersembahkan gambaran yang berat sebelah mengenai persekitaran, dan ke tahap penerima 'tidak berupaya' untuk menguji ketepatan gambaran itu serta bertentangan dengan beberapa tindakan tepat, stereotaip ataupun berat sebelah. Ini kerana media menjanjikan isi kandungannya mengikut selera individu yang merupakan bahagian terbesar di dalam

pasaran dan mengekalkan imbalan kewangan dan kestabilan sistem media. Schramm (1977) menyatakan bahawa akhbar moden memainkan peranan penting dalam kalangan audiens. Setiap audiens membacakan topik berlainan dalam akhbar untuk sebab-sebab yang tertentu. Ini menyukarkan akhbar untuk memenuhi fungsinya sebagai medium penyebar maklumat.

Akhbar sekarang mengarah kepada berbagai jenis penyebaran informasi untuk mempengaruhi pemikiran massa dan orang ramai. Sebagai saluran maklumat dan sumber informasi yang sangat mempengaruhi kehidupan manusia oleh media massa dan menjadi pembawa kepada proses sosial bahkan lebih jauh seperti yang dikatakan oleh Dewey iaitu masyarakat hidup melalui dan didalam proses komunikasi itu sendiri. (dipetik dalam Rogers, 1994, p.158). Walaupun secara logiknya, kita tidak dapat mengukur peranan media cetak namun adalah penting untuk mengetahui sama ada akhbar tempatan benar-benar berfungsi sebagai medium penyebar maklumat tentang isu Lynas kepada audiens sekaligus melihat sama ada laporan akhbar berkenaan mempengaruhi audiens ataupun tidak.

## **KAJIAN LITERATUR**

Kombinasi antara peranan media khususnya akhbar tempatan dengan persepsi audiens dilihat sebagai satu kombinasi komunikasi yang bercorak normal namun, wujud kombinasi komunikasi yang berlainan antara penyebaran informasi yang menghubungkan akhbar tempatan serta mewujudkan persepsi audiens. Audiens mengenalpasti media sebagai sumber utama dalam menyalurkan maklumat tentang isu dan menggunakan maklumat tersebut untuk meluaskan pemahaman audiens tentang isu alam berbanding bergantung kepada sumber atau maklumat yang disampaikan oleh pihak berkuasa tempatan. Berdasarkan kajian oleh Turner, Nigg, Paz dan Young (1979) menyatakan bahawa responden yang terlibat secara tidak langsung didapati lebih bergantung terhadap perbincangan yang bersifat interpersonal di mana maklumat yang diperolehi daripada perbincangan interpersonal itu diterima sebagai sumber utama tentang maklumat itu yang sekaligus menyokong pandangan Ball-Rokeach dan Cantor (1986).

Ball-Rokeach et al. (1986) melihat sistem media terutamanya akhbar yang dianggap secara keseluruhannya sebagai satu struktur yang dibentuk atau dikhaskan untuk menyediakan perkhidmatan sebagai sistem amaran utama isu sekaligus membentuk satu kebergantungan dalam kalangan responden atau audiens. Sementara itu, persepsi peribadi audiens yang melalui pengalaman isu alam pula akan menghasilkan satu persepsi yang jelas, tepat dan dramatik. Namun, masih wujud elemen perbincangan untuk menjelaskan persepsi audiens tersebut daripada bergantung sepenuhnya dengan laporan media atau akhbar. Pengalaman peribadi dalam isu akan menggalakkan dan menimbulkan motivasi audiens untuk mendapatkan penjelasan dan penerangan dengan rakan-rakan atau ahli keluarga tentang apa yang mereka baca dalam akhbar. Maklumat atau info yang dilaporkan dalam akhbar juga mempengaruhi audiens dimana audiens lebih banyak bergantung kepada info yang bersifat saintifik berbanding info yang berkenaan dengan agama (prophetic) dan juga info yang bersifat pseudosaintifik. Adalah dikatakan bahawa laporan akhbar tentang isu lebih mudah dan senang difahami penerangannya berbanding penerangan yang sama dalam televisyen dan radio.

Pandangan yang sama ini juga diutarakan oleh Anderson (1969) yang melihat bagaimana akhbar bertindak sebagai satu proses komunikasi dalam menyediakan sistem amaran awal dalam soal isu alam. Konteks kajian ini melihat isu alam sekitar yang melanda Crescent City, California dan Hilo di Hawaii pada 1964. Kajian ini secara rambang melihat audiens yang memanfaatkan akhbar sebagai medium utama mereka untuk mendapatkan maklumat tentang isu ini yang akhirnya seperti yang dikatakan oleh Rokeach iaitu telah membentuk kebergantungan antara audiens dan akhbar. Maka, adalah sukar untuk

menginterpretasikan persepsi audiens terhadap peranan media dalam melaporkan berita-berita Lynas kerana kebergantungan ini akan menghasilkan satu perhubungan yang simbiosis seperti yang dikatakan oleh Berelson (1949).

Berelson(1949) turut menulis bahawa hubungan simbiosis ini akan mendorong audiens untuk mengadaptasikan peranan akhbar dengan cara yang positif. Berdasarkan kajiannya menunjukkan wujud elemen '*pays tribute*' iaitu menghargai peranan akhbar serta dianggap sebagai sumber maklumat yang serius. Kajian yang dijalankan dalam bentuk temubual intensif ini menunjukkan bahawa kesemua responden mengakui bahawa membaca suratkhbar merupakan satu keperluan yang mutlak dan menjadi sebahagian daripada kehidupan mereka. Namun adalah harus diakui bahawa akhbar lebih banyak memainkan peranannya dalam bentuk '*non rational*' dengan menyiarkan berita-berita yang bersifat sosial seperti kepentingan manusia, gossip dan sebagainya berbanding menjadi '*rational*' dengan memberikan laporan yang berinformasi dan bermaklumat. Ini jelas bahawa akhbar hilang fungsinya sebagai mediator ketika berlakunya peristiwa-peristiwa genting seperti isu Lynas ini.

Sood, Stockdale dan Rogers (1987) dalam kajian mereka mendapati bahawa isu alam menjadi isu utama dalam laporan berita media. Apabila puting beliung mengancam Texas pada tahun 1983, akhbar *Houston Post* mencetak 160 akhbar berita tentang Alicia (merujuk pada nama puting beliung), jumlah keseluruhan adalah 9,646 ruang inci selama 16 hari menggambarkan 28% semua berita dilaporkan dalam surat khabar. Laporan media akhbar secara personalnya melihat isu ini sebagai peluang keemasan untuk memberi pertolongan yang baik kepada mangsa setempat untuk meningkatkan kadar edaran surat khabar. Secara ringkasnya, laporan isu alam adalah kompleks dalam proses akhbar yang bukan sahaja mempengaruhi audiens malah polisi masa depan media dalam mentakrifkan isu alam itu sendiri.

Sementara itu, Keshishian (1997) menerangkan bahawa fenomena-fenomena berita yang dibentuk melalui mekanisme yang boleh mewujudkan bias dalam laporan berita. Khususnya bias politik menjadi satu mekanisme yang boleh mempengaruhi isi kandungan sesebuah berita semasa sesuatu isu berlaku kerana masyarakat tidak mempunyai kawalan yang banyak terhadap isu tersebut. Dalam kajiannya beliau menyatakan bahawa pentingnya untuk meneliti bagaimana media digunakan dengan berniat atau tidak untuk membentuk pendapat audiens terhadap isu alam sama ada yang boleh menunjukkan kebimbangan bahawa orang awam atau tidak. Kajian ini juga menyatakan bahawa dalam liputan berita tentang isu alam, audiens selalunya tidak mahu elemen bias politik. Hal ini kerana liputan berita perlu dimulakan dengan pemahaman bahawa berita-berita memainkan peranan penting dalam kehidupan harian masyarakat. Akhbar sepatutnya melaporkan persekitaran dan membantu membentuk persepsi dalam hampir semua aspek termasuk tumpuan yang tidak dilihat, individu yang tidak dikenali dan peristiwa yang tidak disaksikan. Tetapi berita-berita bukan dilaporkan dalam keadaan itu sebaliknya hanya berita-berita yang dipilih sahaja diberikan perhatian dan bukannya yang dipilih diberitakan terhadap liputan yang sama. Beliau telah menggunakan dua jenis surat khabar yang popular di Amerika Syarikat untuk mengkaji kepentingan yang diberikan terhadap liputan isu gempa bumi yang berlaku di dua tempat yang berlainan di dunia dan juga mempunyai negara berbeza daripada Amerika Syarikat iaitu Armenian (Soviet Union) dan Iran (Barat Laut).

Keshishian (1997) berpendapat bahawa kedua-dua akhbar iaitu *The New York Times* dan *The Washington Post* melihat isu gempa bumi di Armenian dengan lebih bersifat simpati dari segi liputan yang diberikan kedua-dua akhbar berkenaan tetapi untuk melaporkannya. Ini jelas menunjukkan bahawa laporan akhbar-akhbar berkenaan lebih bersifat membiasakan diri audiens dengan laporan berbentuk politik bias dalam laporan yang berbentuk '*nonpolitical event*'. Walaupun dalam kajian ini, Keshishian tidak melihat persepsi audiens tetapi tidak boleh menafikan bahawa audiens tetap dipengaruhi dalam

pelbagai tahap tentang apa yang dilaporkan, apa yang melalaikan, bagaimana peristiwa itu dilaporkan dan untuk berapa lama peristiwa itu dilaporkan. Penyelidikan ini membuktikan bahawa sebanyak tiga kali ganda laporan berita isu gempa bumi di Armenian berbanding di Iran yang menunjukkan bahawa liputan berita di Armenian lebih penting berbanding di Iran. Ini juga bermakna bahawa pengetahuan audiens juga meningkat sebanyak tiga kali ganda. Laporan akhbar mengenai gempa bumi di Armenian mengandungi kata-kata yang bersifat lebih simpati dan positif berbanding laporan gempa bumi di Iran. Jelas dan nyata bahawa akibat kepentingan politik serta kewujudan bias maka akhbar *The New York Times* dan *The Washington Post* lebih bersimpati terhadap gempa bumi di Armenian berbanding di Iran disebabkan kepentingan politik.

Pandangan yang sama juga diutarakan oleh Sood et al. (1987) menunjukkan bahawa akhbar dijadikan sebagai sumber rujukan yang utama oleh audiens di Beijing berbanding televisyen. Audiens berpendapat bahawa walaupun akhbar dijadikan sebagai sumber rujukan yang utama namun bukan semua laporan didalam akhbar boleh dilabel sebagai boleh percaya kerana wujud ketidakseimbangan dalam laporan berita didalam beberapa akhbar di China atau dalam erti kata lain wujud bias dalam pelaporan berita. Kredibiliti berita itu juga dipersoalkan kerana akhbar hanya melaporkan berita yang bersifat positif dan lebih menumpukan kepada dasar kerajaan. Kajian ini menunjukkan bahawa akhbar di China lebih bersifat 'kerajaan' dan ini menyebabkan segala laporan berita dalam akhbar di China mempunyai unsur bias dan akhirnya ini mendorong wujudnya satu kelompok akhbar yang bersifat tidak kritis dalam mengutarakan sesuatu isu sehinggakan audiens inginkan satu bentuk revolusi dalam pelaporan berita di akhbar di China.

Menurut Peters (1994), media adalah penting untuk mengurus dan mencegah isu. Namun begitu, adalah sukar untuk bekerja dengan media kerana wujud beberapa masalah asas misalnya percubaan untuk mendapat perhatian media iaitu apa yang penting dari perspektif sumber mungkin tidak bernilai sebagai berita dari perspektif media. Malah, media lebih bersifat membentuk imej yang dapat dipercayai dan berkredibiliti yang akhirnya wujud beberapa andaian mengapa media tidak melakukan tugas yang yang diharapkan. Wartawan dikatakan bertindak dalam keadaan yang tidak berprofesional, tidak bertanggungjawab, kurang pengetahuan kerana wartawan lebih suka untuk mensensasikan informasi secara serius. Menurutnya, kepentingan saluran dalam media massa seperti surat khabar mendorong sumber-sumber berurusan dengan media yang sememangnya menjadi satu saluran yang sukar ini merupakan komunikasi yang tidak melibatkan kawalan secara langsung mengenai isi kandungan serta penukaran informasi. Wartawan dikatakan tidak bertindak sebagai "saluran informasi" sebaliknya bertindak sebagai pengampang, penterjemah dan komentar. Diperingkat audiens, maklumat lengkap yang disediakan oleh media massa tentang sesuatu isu mampu mempengaruhi audiens menjadi elemen yang sangat penting dalam memotivasikan serta membolehkan orang awam bersedia menghadapi isu alam berkenaan, berfikiran waras semasa menghadapi isu tersebut dan pulih selepas isu itu diselesaikan. Malah menurutnya, media dalam sistem demokrasi haruslah dibina berdasarkan arena perdebatan politik kerana ini akan mewujudkan penyertaan sumber-sumber yang berlainan pendapat adalah lebih tepat daripada hanya bergantung kepada satu sumber rasmi dan pakar sahaja sekaligus menghalang laporan berita isu berbentuk bias. Kepentingan media massa dalam pelaporan tentang isu dapat dibezakan oleh situasi komunikasi seperti berikut:

- 🚩 Peringkat → Pencegahan isu, situasi isu yang teruk,
- 🚩 Audiens → Pengaruh secara langsung dan tidak langsung
- 🚩 Tahap keberkesanan → Individu dan kumpulan

## TEMA

Dalam kajian ini, kami menggunakan tema-tema seperti berikut:

### Kesihatan

- ✚ Boni (2002) menulis bahawa kesihatan merupakan asas kepada kehidupan yang sihat dalam menerajui masa depan individu serta negara. Artikel ini juga menawarkan spectrum yang luas dalam aspek penjagaan diri sendiri.

### Dasar Kerajaan

- ✚ Sarlin (1994) menyatakan bahawa sistem pentadbiran moden kerajaan memerlukan media untuk mengiklankan polisi kerajaan dalam keadaan normal dan juga genting. Saluran maklumat ini merupakan struktur kepada perhubungan kuasa yang akan membentuk imej positif negara dan dikalangan ahli politik. Menurut Axford dan Huggins (2001) menulis bahawa media membantu mewujudkan interaksi diantara politik, sosial dan budaya sekaligus keadaan ini dapat mewujudkan kebergantungan di antara satu sama lain.

### Ekonomi

- ✚ Penjana ekonomi atas projek Lynas ini merupakan usaha awal oleh kerajaan untuk memastikan kestabilan kewangan negara tidak terjejas. Hal ini kerana, Isu alam sekitar yang teruk tercemar mampu melumpuhkan ekonomi negara.

## KAEDAH PENYELIDIKAN

Kajian ini berlandaskan pendekatan kualitatif iaitu pendekatan yang menggunakan kaedah-kaedah seperti pemerhatian, kumpulan fokus, temubual intensif, dan kajian kes untuk mengumpul data yang diperlukan dalam kajian secara terperinci. Kaedah temubual intensif untuk mengumpul data tentang persepsi audiens dan peranan media cetak khususnya akhbar tempatan dalam melaporkan berita Lynas. Secara umumnya, temubual intensif ini menggunakan sampel yang kecil untuk menemubual responden-responden dalam pengumpulan data. Melalui temubual ini, data-data akan dijelaskan dengan mengambil kira pendapat, nilai, motivasi, pengalaman, dan perasaan responden yang ditemubual itu (Kvale, 1996). Kaedah persampelan penilaian (*judgemental sampling*) dan kaedah persampelan *snowball* digunakan dalam membuat pemilihan responden.

## ANALISIS

Kajian ini menunjukkan bahawa audiens melihat akhbar tempatan memainkan peranan dengan mempotretkan projek Lynas sebagai mesra alam sekitar, membuka peluang pekerjaan kepada penduduk Gebeng serta menyumbang kepada kemakmuran ekonomi negara. Namun demikian, para pengkaji juga mendapati bahawa semua responden turut bergantung sepenuhnya kepada media alternatif seperti *Malaysiakini* dan *Malaysian Today* yang nyata pelaporannya bertentangan dengan apa yang dilaporkan dalam akhbar tempatan. Dalam hal ini, para audiens bersetuju bahawa perang pelaporan berita tentang Lynas di akhbar tempatan dan media alternatif ini berjaya menimbulkan perasaan bimbang dan tidak berpuas hati terhadap kerajaan. Disebalik akhbar tempatan melaporkan berita-berita positif akan pelaburan Lynas di Gebeng, media alternatif pula melaporkan berita-berita negatif terutamanya isu pembuangan sisa-sisa radioaktif yang terhasil akibat daripada pengekstratan tanah jarang. Seterusnya, audiens juga bersetuju bahawa akhbar tempatan tidak menjadikan isu Lynas sebagai isu utama sebaliknya diselitkan sebagai isu tempatan yang tidak berapa penting sedangkan di media alternatif melalui pemaparan gambar yang

memaparkan *headline* yang menggunakan perkataa pula saban hari isu Lynas menjadi headline dan sering diwar-warkan seolah-olah Malaysia sedang berdepan dengan satu bencana alam yang serius. Ini ditambah lagi dengan pemaparan gambar-gambar serta berita-berita yang melibatkan isu yang hampir sama pada tahun 80-an di Bukit Merah, Perak.

Menurut audiens, pelaporan sebegini membingungkan mereka kerana pada satu pihak mereka disajikan dengan berita-berita yang dilihat begitu penting dan tiada kesan dalam kehidupan seharian mereka sedangkan di satu pihak lagi mereka seolah-olah ditakutkan bahawa Lynas akan memusnahkan kehidupan mereka. Dalam soal ini, audiens beranggapan bahawa akhbar tempatan lebih banyak memberikan liputan kepada aspek melibatkan politik, hiburan dan sukan sedangkan isu Lynas tidak menjadi perhatian akhbar tempatan. Maka boleh diandaikan bahawa audiens masa kini tidak lagi hanya bergantung kepada akhbar tempatan national sahaja tetapi lebih mempraktikan analisa kritikal dimana audiens bertindak aktif dalam proses penggumpulan data melalui pelbagai saluran informasi lain khususnya dari media alternatif dalam membantu mereka memahami, menginterpretasi serta membentuk pendirian dan persepsi mereka terhadap sesuatu isu yang dibangkitkan oleh akhbar tempatan. Hal ini sejajar dengan pandangan Roth dan Frisby (1986), Mcburney dan Collings,(1984), Nehiley (1997) serta Schramm dan Roberts (1992).

Dalam soal tanggungjawab akhbar untuk menyebarkan informasi, sememangnya penyebaran informasi berlaku. Ia boleh dilihat apabila akhbar memaparkan informasi tentang Lynas dan cara pengurusan pemprosesan tanah jarang berkenaan dan impaknya kepada penduduk sekitarnya. Selain itu, akhbar tempatan menjadi medium penyebar maklumat dan turut menyediakan informasi bersifat universal tentang tanah jarang. Melalui pendedahan informasi ini, ia dapat menambah pengetahuan audiens tentang Lynas dan tanah jarang yang sebelum ini tidak pernah dilaporkan dalam akhbar. Audiens bersetuju bahawa pemaparan informasi di akhbar tempatan telah menimbulkan keinginan mereka untuk mencari informasi tambahan di internet yang akhirnya menyebabkan mereka terdedah kepada media alternatif. Hal ini kerana, audiens kini sedar akan kepentingan dan peranan media nasional serta media alternatif dalam melaporkan sesuatu berita atau isu. Di samping itu, kegunaan media sosial turut memperlihatkan keaktifan audiens dalam melibatkan diri melalui perbincangan dan perkongsian maklumat berkaitan dengan isu ini. Komunikasi interpersonal ini turut terbukti dan seterusnya menyokong hasil kajian Turner et al. (1979), Ball-Rokeac et al.(1986).

Berlandaskan kajian ini, persepsi audiens terhadap laporan akhbar tempatan mengenai isu Lynas telah menunjukkan majoriti audiens walaupun puas hati dengan laporan akhbar tempatan yang dilihat memberikan komitmen yang tinggi dalam melaporkan isu Lynas, penuh dan padat serta berinfo dalam melaporkan berita-berita tersebut dari masa ke masa, maklumat yang mencukupi dalam pemahaman isu berkenaan namun terdapat segelintir audiens berpendapat bahawa akhbar tempatan hanya menjalankan fungsinya sebagai medium penyebar informasi yang dikawal rapat oleh kerajaan yang pastinya mereka beranggapan bahawa informasi berkenaan bias dari aspek politik seperti yang diutarakan dalam kajian Keshishian (1997). Hubungan 'symbiosis' yang disarankan oleh Berelson (1949) dan Sood (1987) masih dikesan dalam kajian ini di mana majoriti audiens masih merujuk kepada laporan akhbar tempatan sebagai rujukan utama. Persoalan kredibiliti terhadap laporan akhbar tempatan wujud, apabila audiens menyedari bahawa pelaporan berita di akhbar tempatan masih mempunyai elemen kerajaan. Hal sedemikian mendorong audiens menerima laporan media alternatif yang menawarkan perspektif berlainan daripada pelaporan media tempatan. Penerimaan maklumat terkini berhubungkait dengan isu Lynas di kalangan audiens dipergiatkan lagi apabila media sosial mewujudkan platform interaksi yang aktif dan secara langsung dan terbukti sedikit sebanyak mengubah corak kehidupan dan pemikiran serta keupayaan para audiens dalam melihat sesuatu isu.



Sehubungan itu, audiens kini didapati lebih bersifat kritikal jika dibandingkan dengan golongan audiens pada zaman 80an dalam menangani isu Bukit Merah di Perak.

Kajian ini turut mendapati bahawa walaupun majoriti audiens bersetuju bahawa akhbar tempatan lebih bersifat mendidik dalam melaporkan isu Lynas serta isu pemprosesan tanah jarang ini dan pada masa yang sama audiens turut berpendapat bahawa media alternatif pula tidak mendidik audiens sebaliknya lebih mensensasikan berita terutamanya melibatkan isu Bukit Merah, Perak. Justeru, pandangan Peters (1994) terbukti di mana akhbar tempatan menyedari peranan mereka dalam mendidik audiens di mana mereka menyediakan kepelbagaian informasi berhubungkait sesuatu isu kepada audiensya.

Hasil kajian kami juga mendapati keseluruhan responden mempunyai persepsi yang sama dengan mengatakan bahawa laporan akhbar tempatan lebih menggambarkan industri tanah jarang sebagai kegiatan yang mendatangkan kebaikan berbanding keburukan kepada persekitaran dan manusia. Laporan akhbar tempatan menyampaikan informasi dengan berdasarkan pemaparan pemprosesan dan pengurusan sisa-sisa radioaktif melalui teks dan visual. Menurut responden juga, akhbar tempatan berjaya melahirkan perasaan selamat dengan pemaparan gambar pemprosesan tanah jarang di China yang dilihat tidak menjadi krisis dinegara itu. Ini bermakna. Visual memainkan peranan yang amat penting dalam usaha menimbulkan pemahaman sesuatu isu di kalangan audiens. Hal ini sejajar dengan pandangan Keshishian (1997) di mana cara pelaporan berita dapat mempengaruhi persepsi audiens dalam melihat sesuatu isu.

Namun begitu, kebanyakan responden kami menyatakan bahawa laporan akhbar telah mengeneipkan laporan dari sudut kesihatan secara terperinci. Walaupun terdapat laporan berhubungkait dengan kesihatan namun, akhbar gagal memberikan input-input tambahan dalam aspek kesihatan. Hal ini sepatutnya tidak berlaku kerana akhbar tempatan berperanan sebagai penyebar informasi, dalam menyampaikan maklumat yang secara menyeluruh dan berdemokrasi. Audiens juga bersetuju bahawa akhbar tempatan tidak melaporkan dengan begitu teliti tentang demonstrasi Hijau 2.0, tiada perdebatan umum mengenai isu pemprosesan tanah jarang dan kesannya kepada manusia daripada sudut saintifik dan tidak diberikan keutamaan sebagai berita utama sebaliknya hanya diselitkan sebagai berita nasional yang umum.

## **KESIMPULAN**

Akhbar tempatan telah memainkan peranannya sebagai medium penyebar informasi yang telah membantu masyarakat mendapatkan maklumat daripada akhbar tempatan lalu mewujudkan satu bentuk kebergantungan yang sihat dan simbiosis. Hubungan positif ini seharusnya dikekalkan atau dimantapkan lagi. Hal ini amat penting kerana, isu kredibiliti akhbar tempatan dipertaruhkan pada masa akan datang sekiranya melibatkan isu pembangunan alam sekitar di Malaysia. Audiens masih melihat akhbar tempatan di negara ini dirantai dan dikawal secara ketat oleh kerajaan dalam usaha mendidik audiens untuk hanya menerima berita yang baik tentang kerajaan.

Walaupun kajian ini menunjukkan majoriti audiens masih 'bergantung' kepada akhbar tempatan untuk mendapatkan informasi terkini jika dibandingkan dengan media alternatif dari segi kredibiliti. Namun begitu, pengaruh media alternatif terhadap audiens sudah mula 'bertapak' di hati audiens dan hal sedemikian seharusnya dipandang serius dan ditangani secara positif oleh akhbar tempatan dalam memartabatkan etika kewartawanan di negara ini.

## RUJUKAN

Anderson, A. W. (1969). Disaster warning and communication processes in two communities. *Journal of Communication*, *19*(2), 92–104.

Axford, B & Huggins, R. (200). *New media and politics*. London: Sage

[Ball-Rokeach](#), J. S., & [Cantor](#), B. C. (1986). *Media, audience, and social structure*. London: Sage Publications.

Berelson, B. (1949). What missing the newspaper means. In P. F. Lazarsfeld. & F.N. Stanton (Eds)., *Communication Research: 1948-49*. (pp.111-129).New York: Harper.

Boni, F. (2002). Framing media masculinities: Men's lifestyle magazines and the biopolitics of the male body. *European Journal of Communication*, *17*, 465–478.

Davenport, L., Cronin, M. & DeFleur, M. (1992). Audience recall of news stories presented by newspapers, computer, television and radio. *Journalism Quarterly*, *69*(4),1010-1022.

Peters, H.P. (1994). Mass media as an information channel and public arena. *Risk: Health, Safety dan Environment* *5*(3): 241-250.

Roth,I. & Frisby,J.F. (1986). *Perception and representation : A cognitive approach*. Milton Keynes [Buckinghamshire]; Open University Press.

Keshishian, F. (1997). Political bias and nonpolitical news: A content analysis of an Armenian and Iranian earthquake in the New York Times and the Washington Post. *Critical Studies in Mass Communication*, *14*, 332-343.

Kvale, S. (1996). *Interviews: An introduction to qualitative research interviewing*. London: Sage.

McBurney, D. & Collings, V. (1977). *Introduction to sensation/perception*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.

[Morreale](#), P. S., [Spitzberg](#), B. H., & [Barge](#), K. (2006). *Human communication: Motivation, knowledge and skills*. (2nd ed). Belmont: Cengage Learning.

Nehiley, J.M. (1997). *The role of the audience in the communication process*. Retrived from <http://www.okcareertech.org/CIMC/titles/lifeskillscomm/Resources/CommUnit3/FLaudienscerole>.

Rogers, E. (1994). *A history of communication study: A biographical approach*. New York:The Free Press.

Rogers, E. M., Xiaoyan, Z., Zhongdang, P., & Milton, C. (1985). The Beijing audience study. *Communication Research*, 12, 179-208.

Schramm, W. L. (1977). *Big media, little media: Tools and technologies for instruction*. Beverly Hills: Sage Publications.

Schramm, W.L., & Roberts, D. F. (1992). *Proses dan kesan komunikasi massa jilid 1*, (Othman Sharrif & Siti Zaleha Hashim, Trans), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. (Original work published 1971).

Sood. R., Stockdale, G., & Rogers, E. M. (1987). How the news media operate in natural disasters. *Journal of Communication*, 37: 27-41.

[Sorlin](#), P. (1994). *Mass Media*. London: Taylor and Francis.

Turner, R. H., Nigg, J. M., Paz, H. D., & Young, S. B. (1979). *Earthquake threat: The human response in southern California*. Los Angeles, Institute for Social Science Research: University of California.